KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	15.03.22	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	TNB			

TNB, PLUS komited kurangkan pelepasan karbon di lebuh raya

Oleh NURFARAHIN HUSSIN
utusanekonomi@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) berkolaborasi bersama PLUS Malaysia Berhad (PLUS) untuk membolehkan jajaran lebuh raya turut menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon seiring dengan komitmen kerajaan menuju pelepasan karbon sifar bersih seawal 2050.

Kedua-dua pihak akan memastikan pengurangan pelepasan karbon di lebuh raya PLUS melalui tiga inisiatif kelestarian iaitu membangunkan rangkaian stesen pengecas kenderaan elektrik (EV), pemasangan sistem pemantauan kecekapan tenaga dan pemasangan system solar fotovoltaik di bangunan kawasan Rehat dan Rawat (R&R) terpilih.

Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, TNB akan menyediakan bekalan elektrik berdaya harap dan stabil kepada ekosistem pengecasan EV selain menawarkan penyelesaian kepada PLUS yang boleh mengoptimumkan kos elektrik dan menyokong sumber tenaga hijau dan mampan dalam mengurangkan pelepasan karbon.



ISMAIL Sabri Yaakob, Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Mohamed Azmin Ali menyaksikan pertukaran dokumen antara Baharin Din (kiri) dan Azman Ismail di Kuala Lumpur, Jumaat lalu.

Jelasnya, ketiga-tiga inisiatif di bawah MoU tersebut akan mengurangkan pelepasan karbon serta menyokong penggunaan tenaga hijau selain mengoptimumkan penggunaan tenaga elektrik dalam operasi perniagaan bagi meningkatkan lagi komitmen terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

"Selain sasaran pelepasan karbon sifar bersih pada 2050 dalam aspek penjanaan tenaga seperti aspirasi kami melalui Hala Tuju Kelestarian, usaha bersama pelbagai organisasi seperti PLUS ini mengukuhkan lagi keyakinan pelabur mengenai komitmen kami terhadap ESG dan menyediakan potensi langkah-langkah strategik pengembangan bisnes melangkaui kilowatt peak (kWh).

"Melalui peranan TNB sebagai pemboleh, PLUS menjadi penggerak pertama untuk memulakan infrastruktur rangkaian stesen pengecas kenderaan elektrik di sepanjang lebuh raya kendalian PLUS," katanya dalam kenyataan.

Rangkaian stesen pengecas kenderaan elektrik akan dipasang di R&R terpilih dan berpotensi tinggi di sepanjang jajaran lebuh raya PLUS, manakala sistem pemantauan kecekapan tenaga dan system solar fotovoltaik akan dipasang pada bumbung bangunan R&R Ayer Keroh (Arah Utara) dan R&R Tapah (Arah Utara) dengan jumlah kapasiti lebih 360 kWp.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menyaksikan pertukaran dokumen kerjasama strategik ini melalui Memorandum Persefahaman (MoU) antara Baharin dan Pengarah Urusan PLUS, Datuk Azman Ismail, baru-baru ini.

Sementara itu, Azman berkata, inisiatif itu dilaksanakan bagi memperbanyakkan lagi rangkaian stesen pengecas EV bagi memastikan perjalanan pelanggan yang menggunakan EV lebih lancar, selamat dan selesa khususnya di sepanjang lebuh raya PLUS.